KAJIAN HADITH MELAMPAU BAGI BAB GANJARAN DAN HUKUMAN DALAM KITAB IHYA' ULUM AL-DIN

INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH :

HUSNUL RITA BINTI ARIS
NOR AZLINA BINTI ABD. WAHAB
ADHANAWATI BT ABDUL RAPA

MEI 2013

KAJIAN HADITH MELAMPAU BAGI BAB GANJARAN DAN HUKUMAN DALAM KITAB IHYA' ULUM AL-DIN

DISEDIAKAN OLEH :

HUSNUL RITA BINTI ARIS
NOR AZLINA BINTI ABD. WAHAB
ADHANAWATI BT ABDUL RAPA

MEI 2013

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEMENANG Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008

Surat Kami : 600-RMI/SSP/DANA 5/3/Dsp (175/2011)
Tarikh : 27 Mei 2011

Pn Husnul Rita Aris
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
KM. 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah, Melaka

Y. Brs. Profesor./Tuan/Puan

KELULUSAN PERMOHONAN DANA KECEMERLANGAN 05/2011

Tajuk Projek	:	Kajian Hadith Melampau bagi Bab Ganjaran dan Hukuman dalam Kitab Ihya' Ulum al-Din
Kod Projek	:	600-RMI/SSP/DANA 5/3/Dsp (175 /2011)
Kategori Projek	:	Kategori F (2011)
Tempoh	:	01 Jun 2011 – 31 Mei 2012 (12 bulan)
Jumlah Peruntukan	:	RM 5,000.00
Ketua Projek	:	Pn Husnul Rita Aris

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan pihak Universiti telah meluluskan cadangan penyelidikan Y. Brs Profesor/tuan/puan untuk membiayai projek penyelidikan di bawah Dana Kecemerlangan UiTM.

3. Bagi pihak Universiti kami mengucapkan tahniah kepada Y. Brs. Profesor/tuan/puan kerana kejayaan ini dan seterusnya diharapkan berjaya menyiapkan projek ini dengan cemerlang.

4. Peruntukan kewangan akan disalurkan melalui tiga (3) peringkat berdasarkan kepada laporan kemajuan serta kewangan yang mencapai perbelanjaan lebih kurang 50% dari peruntukan yang diterima.

Peringkat Pertama	20%
Peringkat Kedua	40%
Peringkat Ketiga	40%

5. Untuk tujuan mengemaskini, pihak Y. Brs. Profesor/tuan/puan adalah diminta untuk melengkapkan semula kertas cadangan penyelidikan sekiranya perlu, mengisi borang setuju terima projek penyelidikan dan menyusun perancangan semula bajet yang baru seperti yang diluluskan. Sila lihat lampiran bagi tatacara tambahan untuk pengurusan projek.

Sekian, harap maklum.

"SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN DENGAN JAYANYA"

Yang benar

MUSTAFAR KAMAL HAMZAH
Ketua Penyelidikan (Sains dan Teknologi)

/RS...

Tarikh : 20 MEI 2013
No. Fail Projek : 600-RMI/SSP/DANA 5/3/Dsp (175/2011)

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)
UiTM, Shah Alam

Tuan,

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN 'KAJIAN HADITH MELAMPAU BAGI BAB GANJARAN DAN HUKUMAN DALAM KITAB IHYA' ULUM AL-DIN'

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk 'Kajian Hadith Melampau Bagi Bab Ganjaran Dan Hukuman Dalam Kitab Ihya' Ulum al-Din' oleh kumpulan Penyelidik dari Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM Cawangan Melaka untuk makluman pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

HUSNUL RITA BINTI ARIS
Ketua
Projek Penyelidikan

KAJIAN HADITH MELAMPAU BAGI BAB GANJARAN DAN HUKUMAN DALAM KITAB IHYA' ULUM AL-DIN

Husnul Rita Binti Aris
Nor Azlina Binti Abd.Wahab
Adhanawati Bt Abdul Rapa
Uitm Melaka

Abstrak

Kitab *Ihya' Ulum al-Din* yang ditulis oleh Imam Al-Ghazali merupakan kitab masyhur dalam kalangan umat Islam pada hari Ini. Kebanyakan surau atau masjid di Malaysia sering menjadikan kitab *Ihya'* ini sebagai rujukan utama dalam pengajaran ilmu-ilmu agama. Justeru itu, kajian ini mengkaji dan menganalisa hadith-hadith melampau (*al-mujazafah*) dalam pemberian ganjaran kepada amalan yang kecil dan hukuman terhadap kesalahan yang kecil sebagaimana terdapat dalam kitab *Ihya'*. Beberapa kriteria cuba dikenalpasti bagi mengukur keadaan hadith melampau (*al-mujazafah*), pengetahuan tentang nilai hadith tersebut yang terdapat dalam kitab Ihya' dan sejauh mana ia berkait dengan hadith palsu (*maudhu'*). Kajian ini juga mengenalpasti sebab-sebab berlakunya pemalsuan hadith tersebut dalam silsilah periwayat hadith (*sanad*) dan lafaznya (*matan*). Metod kajian yang digunakan adalah induktif, analisis dan kritikan. Peringkat permulaannya, hadith-hadith melampau (*al-mujazafah*) ini akan dikenalpasti dalam kitab Ihya' dan ditakhrijkannya bersumberkan kepada kitab-kitab asli hadith yang premier dan sekunder dan kemudiannya menggunakan kaedah analisa dan kritikan terhadap *sanad* dan *matan* hadith tersebut. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa kebanyakan hadith melampau (*al-mujazafah*) dihukum tiada asal-usulnya (*la aslu laha*) , palsu (*mawdhu'*), dhaif yang bersangatan (*da'ifah d'afan syadidan*) dan daif yang ringan (*da'ifah d'afan khafifan*). Kajian ini juga menemui hasil terpenting iaitu hadith-hadith melampau yang palsu dan batil ini tiada asal usul silsilahnya dalam hadith Rasulullah yang sebenarnya dan ini menyebabkan salah faham terhadap pengukuran perbuatan manusia sama ada dari segi ganjaran atau hukuman yang tidak sepatutnya serta memberi impak buruk terhadap fahaman muslim yang sebenarnya. Antara sebab-sebab hadith melampau (*al-mujazafah)* yang palsu ini dicipta adalah untuk mendorong manusia cenderung melakukan perbuatan baik bagi mendekati Allah dan menakutkan manusia agar menjauhi perbuatan jahat yang dilarang . Oleh itu, adalah penting bagi umat Islam mengetahui darjat hadith tersebut sebelum berpegang dan beramal dengannya dalam kehidupan seharian.